KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera
22 Oktober 2020

Minggu Saham Amanah Malaysia PNB Beralih Ke Dunia Digital

Pelbagai aktiviti menarik dan hadiah bernilai lebih daripada RM500,000 untuk dimenangi di Minggu Saham Digital

KUALA LUMPUR, 22 Oktober 2020 — Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan sukacitanya memperkenalkan Minggu Saham Digital, adaptasi Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM). Setiap tahun selama dua dekad, PNB telah menyediakan platform secara bersemuka untuk masyarakat Malaysia mengenali PNB dan syarikat pelaburannya. Ia juga untuk memberi peluang kepada pemegang unit PNB mendapat gambaran bagaimana pelaburan mereka menyumbang kepada kekuatan ekonomi Malaysia.

Selaras dengan perkembangan transformasi digital, PNB akan menganjurkan Minggu Saham Digital (MSD) buat pertama kali dari **18 hingga 24 November 2020** melalui Facebook dan YouTube. Acara digital tujuh hari ini akan disiarkan secara langsung setiap hari di antara pukul **12.30 tengah hari hingga 10.30 malam.**

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz berkata, “PNB telah berjaya meletakkan Minggu Saham Amanah Malaysia sebagai acara tahunan yang sentiasa dinanti-nantikan dengan pelbagai aktiviti pendidikan yang mesra keluarga selama dua dekad. Minggu Saham Digital adalah bukti bagaimana PNB terus berkembang serta mendukung cara baharu dan menarik untuk mendekati pemegang unit kami dan rakyat Malaysia secara umumnya, dengan matlamat untuk memperkasakan literasi kewangan melalui platform digital yang mudah untuk dilayari.”

“Acara digital ini merupakan satu langkah penting ke arah perjalanan transformasi organisasi PNB yang lebih luas. Dengan menganjurkan acara tahunan kami secara dalam talian, semua lapisan masyarakat

Malaysia daripada pelbagai peringkat umur boleh menikmati pelbagai kandungan aktiviti menarik dari keselesaan kediaman mereka sendiri atau di mana sahaja mereka berada, kerana semuanya kini mudah diakses hanya di hujung jari," tambah beliau.

Rakan korporat PNB untuk MSD terdiri daripada tiga peringkat. Dalam kategori *Rakan Premier* adalah Maybank Berhad, Sime Darby Plantation Berhad dan UMW Holdings Berhad; *Rakan Utama* adalah Sime Darby Berhad, Sime Darby Property Berhad, S P Setia Berhad, MIDF Berhad dan Perusahaan Otomobil Kedua Sendirian Berhad (Perodua); manakala MNRB Holdings Berhad, CCM Berhad, Duopharma Biotech Berhad, Velesto Energy Berhad, Sapura Energy Berhad, dan Projek Lintasan Kota Holdings (Prolintas) adalah di dalam kategori *Rakan.*

Sepanjang tujuh hari ini, rakyat Malaysia dari semua lapisan masyarakat dapat menyaksikan pelbagai aktiviti, daripada siri forum dan webinar pendidikan, kepada segmen-segmen yang menghiburkan seperti konsert maya. Menerusi acara digital yang lain daripada yang lain ini, peserta juga boleh menyertai acara permainan, rancangan memasak, eksperimen sains yang unik, pertandingan pencarian harta karun maya, '**Eh, Mana Kod?**' serta pertandingan lakaran pelitup muka, **#LakaranJuara**.

Peserta berpeluang memenangi hadiah-hadiah bernilai lebih RM500,000 termasuk sebuah Ford Ranger 2.0L XLT 4WD (10AT), sebuah Toyota Vios 1.5G (AT), sebuah Perodua Aruz 1.5AV (AT), sebuah Honda CBR250, 8 buah Honda Dash 125S dan e-baucar Lazada bernilai lebih RM180,000. Peraturan, terma dan syarat-syarat penyertaan boleh didapati di laman mikro MSD.

PNB akan mengumumkan tetamu dan personaliti jemputan serta jadual program pada minggu akan datang. Untuk maklumat lanjut, layari www.minggusahamdigital.com.my atau @minggusahamdigital di Instagram dan Facebook.

– TAMAT –

MENGENAI PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian danhartanah. Untuk maklumat lanjut, layari www.pnb.com.my.

Program-program Minggu Saham Digital (MSD)

Kembangkan pengetahuan anda dalam bidang kewangan, keusahawanan dan pelaburan dengan penceramah bertaraf dunia dalam siri 'Asia School of Business-Iclif MBA Masterclass'.

Siri forum bual bicara membincangkan topik-topik utama di ASNB untuk memperkasakan diri anda dengan pengetahuan dalam bidang kewangan di mana kami menjemput pakar industri untuk berkongsi rahsia dan kepakaran mereka.

'Forum Kewangan Syariah' adalah platform yang menarik untuk membincangkan topik kewangan Islam semasa.

Siri bual bicara santai bertemakan 'Kedai Kopi' bersama panel Peneraju Industri membincangkan tentang kewangan, keusahawanan dan ekonomi.

Program-program Minggu Saham Digital (MSD)

Lupakan cara lama anda belajar bersama cikgu di dalam kelas.

Ikuti siri webinar yang amat mudah khas untuk remaja!

Lepak Je mengajak anda bersantai bersama hos dan selebriti jemputan!

Lebih menghiburkan lagi, tetamu akan diberikan cabaran serta ujian atau topik untuk dibincangkan, memang bukan hanya berbual kosong!

Ikuti hos selebriti jemputan dan tetamu berbual mengenai kereta kegemaran mereka dari Sime Darby Berhad, Perodua dan UMW Holdings.

Konsert Mega Minggu Saham secara maya yang menggabungkan ramai artis dari genre berbeza untuk menyanyi secara LIVE bersama-sama!

Program-program Minggu Saham Digital (MSD)

Dihoskan oleh CCM Berhad penonton akan dibawa untuk melihat eksperimen sains menarik dikendalikan yang pasti akan menghiburkan dan mendidik semua!

Kita uji dan cabar mitos di luar sana bersama wakil-wakil dari pakar perubatan untuk kita ketahui sama ada ianya benar atau tidak. Program ini dihoskan oleh Duopharma Biotech Berhad.

Rancangan memasak yang menyeronokkan di mana para selebriti bersama ibu mereka akan memasak resipi tempatan kegemaran mereka, mengimbau kembali nostalgia dan berbual kisah di sebalik masakan mereka. Dibawakan kepada anda oleh Sime Darby Plantation Berhad, para tetamu akan masak dengan menggunakan Minyak Masak Sayuran Alif.

Program-program Minggu Saham Digital (MSD)

Kami membawa anda melawati bangunan pencakar langit yang menghiasi bandar Kuala Lumpur yang juga akan menjadi bangunan tertinggi di Asia Tenggara!

Bersama hos selebriti, di mana beliau akan membawa anda melihat rumah rekaan eksklusif Sime Darby Property Berhad dan S P Setia – projek terbaharu dari syarikat pelaburan hartanah PNB.

Program ini akan membawa anda ke ruang-ruang #selesa yang menjadikan kediaman-kediaman ini satu mahligai syurga!

Hos selebriti melawat PNB, ASNB dan UMW untuk menyelami sejarah dan meneroka fungsi perniagaan syarikat yang menarik.

GG, Bro! membawakan penonton untuk melihat cabaran antara selebriti dan personaliti terkenal di medan Esports, di strim secara live!

Program-program Minggu Saham Digital (MSD)

1-on-1 Advisor Sessions

Penonton boleh membuat tempahan awal melalui laman mikro untuk konsultasi peribadi selama 30 minit dengan penasihat menerusi Google Meet.

#LakaranJuara - pertandingan lakaran pelitup muka dengan tema “Era Digital”.

Lakaran yang menang akan dicetak dan dipamerkan sepanjang kempen dan memenangi e-baucar Lazada.

—LIVE—
TRIVIA
Bonanza

—LIVE—
TRIVIA

Tayangan permainan trivia secara langsung selama 15 minit yang dihoskan di Facebook dengan hadiah e-baucar Lazada yang menakjubkan untuk dimenangi.